

LATAR BELAKANG DAN PEMIKIRAN TASAWUF ABU NASR AL-SARRÓJ DALAM KARYANYA *AL-LUMA'*: SATU ANALISIS

Safiah binti Abd Razak¹

Che Zarrina binti Sa'ari, Ph.D²

Syed Mohammad Hilmi bin Syed Abdul Rahman, Ph.D³

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji membincangkan latar belakang AbÈ Nasr al-TÈsi al-SarrÉj, seorang ulama tasawuf yang hidup sekitar abad ketiga hijrah. Kajian ini turut menyingkap pemikiran tasawuf al-SarrÉj yang tercerna dalam penulisan karya beliau al-Luma' fÈ TÉrikh al-Tasawwuf al-IslamÈ. Kajian ini menggunakan metode kepustakaan dengan menggunakan data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh daripada karangan beliau iaitu kitab al-Luma' fÈ TÉrikh al-Tasawwuf al-IslamÈ manakala data sekunder diperoleh daripada tulisan para ilmuwan tentang al-SarrÉj. Hasil kajian menunjukkan bahawa al-SarrÉj merupakan salah seorang ulama tasawuf yang hebat, mampu menghuraikan pandangan para shaykh tasawuf, seorang sufi yang berpegang kepada al-Quran dan sunnah, menguasai ilmu fiqh, bermazhab syafi'i, berpegang teguh dengan mazhab Ahli sunnah wa al-Jamaah serta diakui kesarjanaannya. Konsep dan kefahaman tasawuf yang dikemukakan oleh al-SarrÉj adalah tasawuf akhlaki iaitu pendekatan membimbing ke arah kesungguhan dalam beribadah, kemurnian jiwa dan pembinaan akhlak terpuji. Menurut beliau ilmu tasawuf merupakan ilmu yang penting dalam usaha membersihkan jiwa manusia daripada kekotoran. Ilmu tasawuf berpaksikan al-Quran dan sunnah dan mempunyai kaitan erat dengan ilmu-ilmu Islam lain seperti ilmu fiqh dan akidah. Malahan beliau juga merupakan ulama tasawuf yang bangun mempertahankan ilmu tasawuf daripada sebarang penyelewengan atau gerakan yang cuba memadamkan keutamaan ilmu tasawuf dalam membangunkan aspek rohani manusia.

Kata Kunci: Abu Nasr al-SarrÉj, Tasawuf, Kitab *al-Luma' fÈ TÉrikh al-Tasawwuf al-IslamÈ*

PENDAHULUAN

Ilmu Tasawuf sebagai salah satu bidang ilmu Islam berkembang sejajar dengan perkembangan agama Islam ke seluruh pelosok dunia. Tasawuf diakui dalam sejarah mempunyai kesan dan pengaruh yang besar dalam pembangunan kehidupan spiritual Islam. Kelahiran tokoh-tokoh tasawuf terkemuka seperti al-Muhasibi, Abu Talib al-Makki, Junayd al-Bagdadi, Al-Hujwiri, al-Qushayri, al-Rifaie, Abdul Qadir al-Jilani, al-Ghazali, Syekh Daud Fatoni, Abdul Samad al-Falimbani, dan ramai lagi terbukti telah memberikan cahaya dan manfaat yang besar kepada pembangunan jiwa dan rohani umat. Para ulama tasawuf terbukti bukan sahaja telah memberi sumbangan kepada aspek politik, ekonomi dan sosial masyarakat malah telah turut memberi sumbangan utama dalam pendidikan kerohanian ummah. Mereka bukan semata-mata beramal dengan ilmu tasawuf malahan telah mengarang kitab sebagai pedoman dan panduan masyarakat zamannya atau zaman selepasnya. Salah seorang tokoh tasawuf yang perlu dikenali dan dikaji pemikirannya ialah AbÈ Nasr al-TÈsi al-SarrÉj. Beliau merupakan seorang ulama tasawuf abad ke 4H yang telah berjasa besar dalam meletakkan kaedah dan pengamalan tasawuf berasaskan panduan al-Quran dan sunnah. Di samping itu, beliau juga berperanan membela dan mempertahankan ilmu tasawuf

¹ Penulis merupakan calon PhD Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam UM

² Penulis merupakan Pensyarah kanan Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam UM

³ Penulis merupakan Pensyarah kanan Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam UM

daripada dinafikan keunggulannya oleh musuh Islam dan golongan yang jahil tentang hakikat ilmu tasawuf. Pemaparan tentang biografi dan pemikiran beliau diharapkan dapat menonjolkan sumbangan beliau dalam mengembangkan ilmu dan ajaran tasawuf di samping dapat menambahkan lagi khazanah pengkajian keilmuan tasawuf.

LATAR BELAKANG ABŪ NASR AL-SARRŪJ

Nama sebenar beliau ialah AbŪ Nasr ‘Abdullah bin ‘Ali bin Muhammad bin Yahya al-SarrŪj al-TĒsi. Beliau dilahirkan di Bandar TĒs Naisabur. Namun tarikh kelahiran beliau tidak dapat ditentukan disebabkan kurang catatan berkaitan ahli keluarga dan zaman awal beliau (Khairuddin al-Zirkili, 1995). Ayahnya, ‘Ali bin Muhammad bin Yahya AbŪ al-Hassan al-SarrŪj al-TĒsi merupakan salah seorang syeikh tarekat di kota Tus dan masyhur dengan kezuhudannya. Ayahnya meninggal dunia di Naisabur ketika sedang sujud dalam solat. (Michael A.Sell, 2003) Al-SarrŪj meninggal dunia pada bulan Rejab tahun 387H/ Oktober tahun 988M dan dikebumikan di kota Tus. Beliau hidup pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah yang pada waktu itu kerajaan Abbasiyah sedang menghadapi konflik politik yang besar (AbŪ al-FalĒh al-×ambali, 2008).

Al-SarrŪj pernah berguru daripada Ibn khafaf al-Syirazi (w. 371H) (al-QushayrĒ, 1973), seorang syeikh sufi dan memiliki ilmu yang sangat mendalam. Guru-gurunya yang lain yang dicatatkan ialah Abu Muhammad al-Khawwas Ja‘far bin Muhammad bin Nasir al-Kuldi (w.348H), (1986) Abu Bakar Muhammad Dawud al-Duqqi (w.360H), Muhammad ‘Abdullah bin Muhammad al-Murta’isyh yang dikatakan berasal dari Naisabur daerah Hirah dan Ahmad bin Muhammad ibn Salim al-Sa‘ih (w. 356H/967M), ketua pemimpin perguruan Salimiyyah, Abu al-Farj Ahmad bin ‘Ali al-Ghassini, AbŪ Abbas Ahmad bin Muhammad bin ‘Ali al-Barza’i, Muhammad bin al-Fuhal, ‘Abdul Wahid bin ‘Ulwan Abu Amru al-Rahibi. Abu Hafs al-Haddad, Abu ‘Uthman al-Hairi (Ibn Malqan, 1986).

Berdasarkan catatan tentang guru-guru al-SarrŪj dapatlah disimpulkan bahawa beliau telah mendapat didikan daripada guru-guru yang utama dan masyhur dalam ilmu tasawuf. Sehubungan dengan itu adalah tidak menghairankan sekiranya al-SarrŪj mampu memahami tasawuf dan segala sudut ajarannya dengan baik dan kemudiannya berupaya melestarikan warisan ilmu tasawuf ini dengan menulis kitab *al-Luma’* untuk menjadi panduan dan rujukan generasi ke generasi.

Kesungguhan al-SarrŪj dalam mengembangkan Islam dan beramal dengannya akhirnya telah berjaya melahirkan murid-murid yang hebat. Murid-murid al-Sarraĵ yang dicatatkan ialah Abu Abd al-Rahman al-Sulami (w. 412H), penulis kitab *TabaqĒt al-SĒfiyyah* (1998), Abu al-Fahl al-Sarikh yang kemudiannya menjadi guru kepada ulama sufi ulung iaitu Abi Sa‘id Ibn Abi al-Khayr (w. 440H). Abu al-Qasim ‘Abdul Rahman bin Muhammad al-Sarraĵ al-Qursy al-Nisaburi al-Faqih (418H) merupakan antara ulama yang masyhur, Abu Sa‘id Muhammad bin ‘Ali al-Niqasy al-Asbahani al-Hanbali (414H) merupakan ulama yang *thiqah* dan soleh, seorang yang hafal al-Quran dan seorang Imam. Sering mengembara dan menulis kitab. Beliau menulis dengan sifat jujur dan amanah (Mohd Adib al-Jadir, 2008).

Al-SarrŪj merupakan seorang yang zahid, pengamal tasawuf yang tekal serta seorang penulis yang terkenal dalam disiplin ilmu tasawuf, mahir tentang ilmu jiwa dan seorang rabbani. Beliau juga dikatakan memiliki pandangan mata hati yang tajam sehingga beliau

mampu mengenali dan membezakan antara golongan sufi sejati dengan golongan sufi palsu (Kamil Mustafa al-Hindawi, 2002).

Menurut Fariduddin 'Attar dalam kitabnya *Tazkirah al-Awliya'*, Abu Nasr al-SarrÉj merupakan imam yang unggul, mampu memberikan fatwa, mahir dalam ilmu kesenian dan *muamalah* serta hebat dalam *mujahadah*. Beliau juga mampu menghuraikan kata-kata dan pandangan para syeikh tasawuf, seorang sufi yang berpegang kepada al-Quran dan sunnah, menguasai ilmu fiqh, bermazhab Syafi'i dan berpegang dengan mazhab ahli sunnah wa al-Jamaah. Hal ini menjadikan para ulama meyakini bahawa tasawuf yang dibawa oleh al-Sarraaj adalah tasawuf amali dan *akhlaki* atau dengan perkataan lain corak tasawuf yang ditulis dan diajarkan oleh beliau adalah membimbing ke arah kesungguhan dalam beribadah, hidup sederhana, kemurnian jiwa dan pembinaan akhlak terpuji. Manakala al-Quran dan sunnah sentiasa menjadi rujukan al-Sarraaj dalam memartabatkan ilmu tasawuf (Mohd Adib al-Jadir, 2008).

Al-SarrÉj memiliki sosok peribadi yang mulia, tawaduk, amanah dan warak. Cara beliau mengarang kitab *al-Luma'* menggambarkan beliau adalah seorang yang mempunyai iman yang teguh serta sangat bertawakal dengan takdir Allah SWT. Tidak ada dalam penulisannya ayat-ayat yang keras dan kasar meskipun terhadap golongan ahli bidaah. Seterusnya beliau juga memiliki akal yang cerdas dan bijak, mempelajari ilmu agama dan menghayatinya, istiqamah atas jalan tasawuf, seorang ahli zuhud yang ikhlas, mahir dalam menyusun ayat, mempersembahkan tulisannya dengan rohani yang tulus sehingga perkataannya dapat memberi manfaat dan pengaruh yang kuat kepada mereka yang membaca tulisannya (Kamil Mustafa al-HindÉwi, 2002).

Para ulama tasawuf mengakui bahawa al-SarrÉj bukan sahaja terkenal sebagai penulis tasawuf malahan beliau merupakan seorang ahli zuhud dan pengamal disiplin tasawuf yang ketat. Dihormati dan disegani ramai kerana fatwa-fatwa beliau yang mendalam mengenai tasawuf khususnya dan hukum Islam umumnya. Sumbangan yang begitu besar dalam bidang tasawuf menjadikan beliau mendapat gelaran *Shaykh al-SÉfiyyah*, gelaran yang menunjukkan prestasi keintelektualan dan kerohanian yang tinggi. Beliau turut diberi gelaran *TÉwus al-FuqarÉ'* yang bermaksud burung merak orang-orang fakir. Gelaran tersebut disandarkan kepadanya merujuk kepada amalan khalwat nya di Syuniziyyah. Sepanjang waktu ditumpukan dengan beribadah. Setiap malam bulan Ramadan, beliau mengkhatamkan al-Quran sebanyak lima kali (Mohd Adib al-Jadir, 2008).

Menurut Nicholson, al-SarrÉj gemar melakukan pengembaraan ke beberapa negara Islam untuk mengembangkan dakwah dan ajaran tasawuf nya. Antara negeri yang dijelajahnya ialah Naisabur, Mesir, Baghdad, Damsyiq, Ramalah, Dumyat, Basrah dan Tibriz. Seluruh pengembaraannya menunjukkan kesungguhan al-Sarraaj secara istiqamah dalam mengamalkan dan menyebarkan tasawuf yang berlandaskan syariah sehingga beliau masyhur dalam kalangan masyarakat Islam sebagai ahli sufi dan ahli fiqh di tempat-tempat yang beliau mengajar (Azyumardi Azra, 2008).

Meskipun maklumat berkaitan al-SarrÉj amat terhad, namun hal ini tidak memberi kesan terhadap pemikiran dan ketokohan beliau khususnya dalam bidang tasawuf.

Hakikatnya masih ramai tokoh tasawuf yang mengemukakan idea dan pemikiran al-SarrÉj dalam karya-karya mereka malah kitab *al-Luma'* telah menjadi rujukan penting dalam kajian ilmu tasawuf sepanjang zaman.

PENGAKUAN SARJANA DAN ILMUAN TERHADAP AL-SARRAJ

Abu Nasr al-SarrĒj terkenal dengan ketokohnya dalam ilmu tasawuf terutamanya berkaitan dengan kitab karangan beliau *al-Luma'*. Elemen tasawuf yang dikupas dan dibincangkan oleh al-SarraĒj dalam karyanya, *al-Luma'* menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang sufi yang komited dan sangat mencintai jalan tasawuf yang dilalui. Karya *al-Luma'* banyak menyentuh persoalan kedudukan dan kepentingan ilmu tasawuf sebagai salah satu cabang keilmuan Islam yang penting, mengupas persoalan hati dan jalan untuk membangunkan jiwa atau rohani manusia, adab-adab sufi serta kedudukan tasawuf dalam neraca al-Quran dan hadith. Perbincangan yang diutarakan oleh beliau dilihat sejajar dan seiring dengan perbincangan tokoh-tokoh tasawuf lain yang membincangkan aspek spiritual manusia dalam tulisan mereka (Imad Zaki al-Barudi, t.t).

Abdul Rahman al-Sulami (412H) penulis kitab *Tabaqat al-Sufiyah* menyatakan bahawa al-SarrĒj merupakan seorang tokoh sufi yang zuhud, juru bicara umat, mahir dalam ilmu syariat dan salah seorang shaykh tasawuf yang utama (Mohd Adib al-Jadir, 2008). Nama al-SarrĒj disebut dalam kitab *al-Risalah al-Qushayriyyah* oleh al-Qushayri (w.465H). Dicatatkan bahawa penulisan kitab *al-Luma'* banyak mempengaruhi penulisan al-Qushayri dalam kitabnya, *al-Risalah al-Qushayriyyah*. Pada tujuh tempat dalam kitabnya itu, al-Qushayri menyebut nama 'Abdullah bin Ali al-Tamimi. Nama itu adalah merujuk kepada Abu Nasr al-SarrĒj (Al-QushayrĒ, 2014).

Al-HujwirĒ (465H) yang hidup sezaman dengan al-Qushayri juga tidak melupakan al-SarrĒj dalam tulisannya. Malahan penulisannya banyak mengikut susunan dan gaya penulisan al-SarrĒj dalam kitab *al-Luma'*. Al-HujwirĒ menyebut tentang al-SarraĒj dalam dua tempat dalam kitabnya, *Kashf al-MahjĒb*. Pertamanya dalam bab adab Sufi dalam bersahabat serta bab mengangkat hijab yang ketujuh iaitu puasa. Antara lain al-Hujwiri menceritakan tentang al-SarrĒj: "Masyhur berkaitan dengan Abu Nasr al-SarraĒj yang digelar *Tawus al-Fuqara*, penulis kitab *al-Luma'* bahawa beliau telah pergi ke Baghdad pada bulan Ramadan. Lalu al-SarrĒj berkhalwat di Masjid Syanuziyyah (Uthman al-HujwirĒ, 1980).

Muhammad al-Bahuli al-Nayyal dalam kitabnya *al-Haqiqat al-Tasawwuf li al-Tasawwuf al-IslĒmĒ* tatkala mengulas tentang kitab *Ihya' Ulumiddin* menyatakan bahawa antara kandungan dan perbincangan dalam kitab *Ihya' Ulumiddin* telah pernah ditulis dan dibincangkan dalam kitab *al-Luma'* oleh Abu Nasr al-SarrĒj dan kitab *QĒt al-QulĒb* oleh Abu Talib al-Makki. Kenyataan beliau menunjukkan bahawa al-GhazĒli turut merujuk kitab *al-Luma'* dalam menghasilkan karya tasawuf beliau itu (Ala' Bakar, 2012).

Basyir Jalati dalam kitabnya "*Haqiqat al-Tasawwuf Baina al-Ta'sil wa al-Ta'thur* (2012) menyenaraikan al-SarrĒj sebagai tokoh sufi pertama dalam senarai tokoh sufi yang menulis kitab tasawuf pada zaman penulisan kitab tasawuf. Menurut Basyir Jalati, al-SarrĒj melalui kitab *al-Luma'* dianggap telah menulis satu ensiklopedia tasawuf ulung sepanjang sejarah. Di dalamnya beliau telah meletakkan kaedah-kaedah tasawuf di atas prinsip ilmu dan amal serta integrasi di antara ilmu dan amal. Beliau juga berusaha mencatat riwayat hidup pemimpin sufi, mengemukakan idea dan pandangan mereka serta turut memberi penjelasan tentang konsep-konsep dan istilah penting dalam disiplin ilmu tasawuf. Al-SarrĒj telah berjaya melahirkan daripada madrasah nya kalam-kalam yang hebat yang berupaya menggariskan panduan kepada generasi depan dan mempertahankan tasawuf daripada serangan tangan-tangan asing.

Al-SarrÉj juga diakui antara ulama tasawuf yang ke hadapan dalam menggempur golongan yang cuba menyusupkan penyelewengan dalam tasawuf dan kitab-kitabnya. Captain Wahid Bakhs Rabbani mengemukakan pendapat Annemarie yang telah menyenaraikan al-SarrÉj sebagai salah seorang tokoh sufi yang sentiasa berjuang mempertahankan kesucian dan kebenaran ilmu tasawuf. Kata beliau:

“The Sufism who follow him wrote important book to show that Sufism was not incompatible with orthodox Islam. Consequently Abu Nasar al-Sarraj’s kitab al-Lumaa, Kalabazi kitab al-Taaruf, Abu Talib al-Makki’s Qut-ul-Qulub, Sulami’s Tabaqat as-Sufia, Noamia’s Hilyah-tul-Aulia, Qushairi’s Risala, Hujwari’s Kasf –ul-Mahjub and Ghazali’s Ihya-ul-Ulum came into being to defend Sufism and prove the compatibility of Sufism and Orthodoxy”.

(Kapten Wahid Bakhs Rabbani, 1998)

Muhammad Zainiy Uthman mengakui dan mengiktiraf al-SarrÉj sebagai antara ahli tasawuf silam yang agung yang disegani keserjanaan nya. Mereka bukan sahaja terkenal sebagai tokoh yang berwibawa pada zaman masing-masing yang mengamalkan latihan rohani malah yang lebih penting daripada itu mereka dikenal pasti sebagai pengarang yang merencana, mengolah dan memperincikan beberapa perbincangan pokok dan juga furuk berkaitan dengan Islam secara amnya dan juga tasawuf secara khususnya (Muhammad Zainiy Uthman, 2004).

Hassan Syafi’i dan AbÈ Yazid al-’Ajami seterusnya mencatatkan bahawa al-SarrÉj yang digelar *Tawus al-Fuqara’* melalui penulisan kitabnya *al Luma’* adalah perintis dan pemimpin kepada usaha besar para penulis untuk mencatatkan sejarah perkembangan tasawuf, sejarah tokoh-tokoh tasawuf, sejarah madrasah tasawuf dan pemikiran mereka secara lebih menyeluruh. (Hassan Syafi’i dan Abu Yazid al’Ajami, 2007)

Al-SarrÉj turut diakui sebagai antara tokoh tasawuf yang berjaya menjelaskan tasawuf sebagai satu cabang keilmuan Islam yang berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammad Fethullah Gulen (1999) dalam bukunya *“Key Concepts In The Practice of Sufism”*:

“ ...perfected Sufism have always depended their thought on the Qur’an and the sunna. They have drived their methods from these basic sources of Islam. Al-Wasaya wa al-Ri’aya (The Advices and Observation of Rules) by al-Muhasibi, Al-Taaruf li Mazhab Ahl al-Sufi(The Description of the way of the People of Sufism) by Kalabazi, Al-Luma’(The Gleams) by al-Tusi, Qut al-Qulub(The Food of Heart) by Abu Talib al-Makki and ar Risala(The Treatise) by al-Qushayri are among the precious sources that discuss Sufism according to the Qur’an and the Sunna...” (Muhammad Fethullah Gellan, 1999)

PEMIKIRAN TASAWUF AL-SARRÓJ

Pemikiran tasawuf al-SarrÉj dapat dilihat pada beberapa tajuk penting antaranya asal-usul kalimah sufi dan pengertian tasawuf, kepentingan dan keistimewaan ilmu tasawuf, ilmu tasawuf dan hubungannya dengan al-Quran dan Sunnah serta perbincangan tentang hubungan kait di antara ilmu tasawuf dan ilmu-ilmu Islam lainnya seperti ilmu akidah, ilmu hadith dan ilmu fiqah. Turut disentuh penjelasan berkaitan usaha beliau mempertahankan ilmu tasawuf daripada tuduhan-tuduhan yang tidak benar.

Asal Usul Nama Sufi dan Pengertian Tasawuf Menurut al-SarrÉj

Menurut al-SarrÉj golongan sufi tidak disandarkan kepada keilmuan tertentu sebagaimana para ahli hadith disandarkan kepada ilmu hadith dan para ahli fiqah disandarkan kepada ilmu fiqah. Menurut beliau golongan sufi hakikatnya adalah tempat berlabuh semua akhlak mulia dan terpuji. Mereka boleh dinisbahkan kepada pakaian yang biasa mereka pakai iaitu pakaian shuf. Pakaian ini adalah pakaian kebiasaan para nabi AS, orang-orang jujur dan simbol orang faqir yang tekun beribadah. Al-SarrÉj menyandarkan golongan sufi kepada pakaian luar mereka kerana menurut pendapatnya pakaian ini bersifat umum dan menggambarkan semua amalan, akhlak dan *maqam-maqam* mulia dan terpuji. Pandangan beliau ini berasaskan sandaran Allah yang telah menisbahkan pengikut-pengikut setia nabi Isa AS dengan pakaian luar mereka iaitu *al-HawÉriyyun* (orang-orang yang memakai pakaian putih bersih) sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Maidah ayat 122. Manakala dalam membincangkan pengertian tasawuf, al-SarrÉj mengemukakan beberapa pendapat ulama tasawuf terkemuka berdasarkan tema-tema tertentu seperti tema akhlak, tema maqam dan tema jiwa dan kesuciannya misalnya Muhammad bin AlÊ al-Qashab mengaitkan tasawuf dengan tema akhlak dengan menyatakan bahawa tasawuf adalah akhlak yang mulia yang muncul pada zaman yang mulia dari tangan seorang yang mulia bersama kaum yang mulia. Begitu juga Abu Muhammad al-Jariri juga menyatakan bahawa tasawuf adalah memasuki lingkaran akhlak yang mulia dan keluar daripada akhlak yang tercela (Abu Nasr al-SarrÉj, 2002).

Ulama tasawuf yang mengaitkan tasawuf dengan maqam ialah AlÊ bin Abd Rahman al-Qannad yang memaknakan tasawuf sebagai kedudukan atau maqam yang pelbagai dan tidak terhenti hanya pada satu maqam sahaja serta sentiasa berhubung dengan Allah SWT. (Imad Zaki al-Barudi, t.t) Pengertian tasawuf yang dikemukakan oleh al-SarrÉj berdasarkan pandangan ulama tasawuf zamannya ini hakikatnya tidak jauh berbeza daripada makna dan definisi tasawuf yang dikemukakan ulama tasawuf mutakhir seperti al-KalÉbazi, al-QushayrÊ, Ibn ‘Ajibah dan Zakaria al-Ansori. Menurut al-KÉlabazi makna tasawuf adalah meninggalkan dunia dengan cara berzuhud yang akhirnya dengan demikian Allah akan menyucikan sirna dan menyinarakan hatinya (Al-KalÉbazi, t.t).

Zakaria al-Ansori pula mendefinisi tasawuf sebagai cara menyucikan diri, meningkatkan akhlak dan membangun kehidupan jasmani dan rohani untuk mencapai kebahagiaan abadi. Unsur utama tasawuf adalah penyucian diri dan tujuan akhirnya adalah kebahagiaan dan keselamatan. (Basyir Jalati, 1998) Seterusnya Ibn ‘Ajibah (m. 1809) pula memaknakan tasawuf sebagai suatu ilmu yang dengannya anda belajar berakhlak supaya sentiasa berada dalam kehadiran Allah melalui penyucian batin dan menghiasi dengan amal

yang baik. Jalan tasawuf dimulai dengan ilmu, tengahnya adalah amal dan akhirnya adalah kurniaan Allah (Ibn Ajibah, t.t).

Al-Qusyairî (m. 405 H) menyebutkan bahawa tasawuf sebagai ajaran yang mengagungkan al-Quran dan sunnah, berjuang mengendalikan nafsu, menjauhi perbuatan bidaah, mengendalikan syahwat, dan menghindari sikap meringankan ibadah (al- Qushayrî, t.t).

Meskipun pengertian tasawuf berbagai-bagai dan dikatakan melebihi 2000 definisi sebagaimana yang disebut oleh Ahmad Zaruq namun pengertian-pengertian tersebut tidak dilihat saling bercanggah malah membawa kepada matlamat yang satu iaitu mencapai cinta dan keredaan-Nya. Semua definisi tersebut dicetuskan oleh ulama berdasarkan *zawq* dan pengalaman rohani yang mereka alami dalam perjalanan mujahadah mereka menuju Allah (Ahmad Zaruq, 1989).

Kepentingan ilmu Tasawuf Menurut al-Sarrîj

Dalam membincangkan aspek kepentingan ilmu tasawuf, al-Sarrîj berpendapat bahawa memperdalam atau *tafaqquh* tentang pelbagai keadaan rohani dan pengertian *maqam-maqam* tidaklah kecil manfaatnya berbanding memperdalam tentang hukum hakam berkaitan talak, zihar, sumpah, hudud dan sebagainya. Menurut beliau lagi pelbagai *hal* atau keadaan spiritual, kedudukan *maqam* dan perjuangan rohani yang menjadi tumpuan perbincangan golongan sufi hakikatnya diperlukan setiap waktu oleh golongan mukmin. Mereka wajib mengetahui dan mempelajarinya. Keperluan menghayati keadaan rohani seperti ikhlas, zikir, menghindari kelalaian untuk berzikir tidak terbatas kepada waktu-waktu yang tertentu. Hakikatnya ia diperlukan sepanjang masa. Setiap mukmin wajib mengetahui apa yang terdetik dalam hatinya. Sekiranya ia merupakan hak dan tanggungjawab maka wajib melakukannya. Sekiranya berupa larangan maka wajib dijauhi (Abu Nasr al-Sarraj, 2002). Sebagaimana firman Allah kepada Nabi-Nya:

“...dan janganlah engkau memalingkan pandangan mu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta dia menurut hawa nafsunya dan tingkah-laku nya pula adalah melampaui kebenaran.”

(Surah al-Kahfi : ayat 28)

Pandangan al-Sarrîj ini sejajar dengan pandangan Ibn Abidin yang menyatakan bahawa hukum mengetahui sifat-sifat seperti ikhlas, ‘*ujub*, dengki dan *riya*’ adalah fardu ain. Begitu juga hukum mengetahui penyakit-penyakit hati lainnya seperti sombong, dendam, marah, bakhil, kejam, panjang angan-angan dan sebagainya. Hukum menghilangkan semua penyakit hati adalah fardu ain. Dan hal ini tidak mungkin dapat dilaksanakan kecuali dengan mengetahui batasan, penyebab, tanda-tanda dan metode pengobatannya (Abdul Qadir Isa, 2013).

Keistimewaan Golongan Sufi Menurut al-SarrÉj

Al-SarrÉj telah meletakkan golongan ulama sufi sebaris dengan para ulama hadith dan fiqah yang dianggap tergolong sebagai orang-orang berilmu yang menegakkan keadilan dan sebagai pewaris para nabi SAW. Namun demikian, al-SarrÉj telah meletakkan golongan sufi sebagai golongan yang tinggi darjatnya melebihi ulama-ulama Islam lainnya. Beliau berpendapat bahawa golongan sufi atau ahli tasawuf mempunyai sifat-sifat mulia dan terpuji dan memiliki kelebihan berbanding ulama-ulama Islam lainnya. Menurut beliau kaum sufi merupakan orang-orang kepercayaan Allah yang berperanan mengembangkan agama Allah SWT di muka bumi. Mereka adalah gudang simpanan rahsia-rahsia dan ilmu-Nya. Mereka golongan sufi adalah hamba-hamba-Nya yang ikhlas, para wali-Nya yang bertakwa dan para kekasih-Nya yang soleh. Mereka adalah hamba-hamba Allah yang Allah memberikan sinar dalam hatinya dengan makrifat kepada-Nya, anggota badan dihiasi dengan pengabdian kepada-Nya. Dia gerakkan lidahnya untuk sentiasa berzikir kepada-Nya dan Dia sucikan rahsia-rahsia hatinya dengan muraqabah kepada-Nya. Mereka sentiasa berdiri di depan pintu rahmat-Nya, rela dengan ketentuan-Nya dan sabar atas cubaan-Nya (Abu Nasr al-Sarraj, 2002).

Gambaran al-SarrÉj tentang sifat dan ciri golongan sufi sejati ini ada rasional dan hujahnya kerana ilmu tasawuf hakikatnya merupakan satu ilmu yang memberi tumpuan kepada pembersihan jiwa, peningkatan akhlak, penentangan hawa nafsu dan perjuangan melalui pelbagai *maqam* dan *ahwal* untuk *makrifah* kepada Allah SWT. Dengan itu tidak hairanlah sekiranya ajaran tasawuf itu dihayati dengan sempurna akan melahirkan hamba-hamba Allah yang ikhlas, sempurna akhlaknya dan mampu memberi kebahagiaan dan kedamaian kepada masyarakat (Nordi Achie, 2012). Malahan pandangan beliau ini senada dengan pandangan beberapa ulama tasawuf muktabar yang turut memartabatkan darjat dan kedudukan golongan sufi sejati dalam tulisan-tulisan mereka antaranya al-Qushayri dan al-Rifa'i.

Al-Qushayri menjelaskan dalam kitabnya, *al-RisÉlah al-Qusyairiyyah* bahawa ahli tasawuf adalah mereka yang terpilih daripada awliya' Allah SWT dan telah dimuliakanNya dari sekalian hamba-hambanya selepas daripada rasul dan nabi (selawat dan salam-Nya ke atas mereka). Mereka digambarkan sebagai golongan yang memiliki pegangan akidah yang mantap yang dapat dinilai melalui makna-makna yang tersurat daripada karya-karya mereka. Mereka mengagungkan syariat dalam kehidupan harian mereka. Hati-hati ahli tasawuf merupakan tempat tersimpan segala rahsia-Nya dan pemancar cahaya-Nya dan sebagai hujan rahmat kepada makhluk ciptaan-Nya (Muhammad Zainy Uthman, 2004).

Ahmad al-Rifa'i menggambarkan ciri-ciri sufi sejati dengan gambaran yang tinggi dan sempurna sebagaimana berikut antaranya:

- a) Bersih dalam bicara dan perlakuan daripada nafsu dan bahaya dunia.
- b) Bersih lintasan hatinya daripada pengingkaran terhadap Allah dan tidak mengalihkan pandangannya daripada Allah SWT.
- c) Sentiasa syukur dengan nikmat yang sedikit dan bersabar terhadap ujian yang berat, reda dengan segala takdir-Nya dan sentiasa mengawasi hatinya untuk sentiasa bersama Allah SWT.
- d) Sentiasa menjejaki sunnah Rasulullah SAW dan perjalanan hidup para sahabat Baginda SAW (Nordi Achie, 2012).

Keindahan akhlak dan budi pekerti golongan sufi sebagaimana yang digambarkan oleh al-SarrÉj dan tokoh-tokoh tasawuf di atas membuktikan betapa mulia dan tingginya darjat golongan sufi sejati sebagai golongan yang paling dekat dengan Allah dan sangat mencintai Allah. Oleh yang demikian tidaklah menghairankan apabila mereka telah muncul sebagai bintang ummah yang memainkan peranan besar dalam mendidik akhlak dan rohani manusia sepanjang zaman sebagaimana yang dibincangkan pengkaji dalam bab satu kajian.

Ilmu Tasawuf dan Hubungannya dengan al-Quran dan Sunnah Menurut al-SarrÉj

Al-SarrÉj berpendapat bahawa ilmu tasawuf mempunyai hubungan yang erat dengan al-Quran dan sunnah. Dengan perkataan lain inti pati ajaran tasawuf memiliki sandaran yang kuat dalam al-Quran. Menurut al-SarrÉj, para ulama sepakat menerima bahawa Allah SWT telah menyebut dalam kitab suci al-Quran tentang orang-orang yang jujur baik lelaki mahupun perempuan (*al-Sodiqin wa al-Sadiqat*), orang-orang yang merendah diri di hadapan Allah (*al-Qanitin wa al-Qanitat*), orang-orang yang khusyuk (*al-Khasyi'in*), orang-orang yang sangat yakin (*al-Muqinin*), orang-orang yang ikhlas (*al-Mukhlisin*), orang-orang yang berbuat baik (*al-Muhsinin*), orang-orang yang takut akan siksa Allah (*al-Kha'ifin*), orang-orang yang bertawakkal (*al-Mutawakkilin*), orang-orang yang tawaduk (*al-Mukhbitin*), para kekasih Allah (*al-Awliya'*), orang-orang pilihan (*al-MusãfÊn dan al-Mujtabin*) dan orang-orang yang dekat dengan Allah (*al-Muqarrabin*) (Abu Nasr al-SarrÉj, 2002).

Menurut al-SarrÉj, ciri-ciri khas yang Allah namakan dalam ayat di atas adalah daripada kalangan orang beriman daripada umat Muhammad SAW. Ini menunjukkan dalam kalangan umat Muhammad terdapat hamba-hamba pilihan Allah yang memiliki darjat yang tinggi di sisi Allah sesuai dengan ciri khas yang Allah sebutkan dalam firman-Nya. Mereka ini memiliki kelebihan darjat keimanan berbanding golongan awam umat Muhammad lainnya.

Pandangan al-SarrÉj ini seiring dengan pendapat Mamduh al-Zubi dan al-Qushayri. Mamduh al-Zubi (2003) menjelaskan bahawa hampir sepertiga al-Quran menyebut tentang sifat-sifat seperti warak, sabar, taqwa, ikhlas dan sebagainya begitu juga tentang kalimah-kalimah seperti *muqinin*, *ÎÉbirÊn*, *muhsinin*, *ÎÉdiqÊn*, *mukhlisin* yang merupakan intipati tasawuf yang murni dan tulus. Sumber utama tasawuf adalah al-Quran, hadith nabi, para sahabat, tabi'in daripada kalangan hamba pilihannya. Tasawuf juga merupakan kesempurnaan agama. Tasawuf adalah *maqam* ihsan sebagaimana yang tertera dalam hadith dan *maqam* nya lebih tinggi daripada darjat Islam dan iman.

Al-QushayrÊ menjelaskan bahawa golongan sufi menghayati perjalanan hidup Baginda Rasulullah SAW sama ada sebelum atau selepas pelantikannya sebagai rasul. Peristiwa baginda berkhalwat dan bersendirian di gua Hira' merenung hakikat kebenaran mengilhamkan kepada golongan sufi tentang kepentingan khalwat untuk berfikir dan merenung hakikat kebenaran dan daripada peristiwa mikraj Nabi SAW mengilhamkan kepada mereka tentang hakikat kasyaf, daripada hadith-hadith yang memperkatakan tentang zuhud mereka menjejaki jalan zuhud dan mengambil keperluan hidup secara sederhana (Hassan Syafi'i & Abu Yazid al'Ajami, 2007).

Hubung kait di antara ilmu Tasawuf dan Ilmu-ilmu Islam lainnya seperti Ilmu Hadith dan Ilmu Fiqah

Menurut pendapat al-SarrĒj ilmu tasawuf mempunyai kaitan yang erat dengan cabang ilmu Islam yang lain seperti ilmu akidah, ilmu fiqah dan hadith. Ilmu akidah menurut al-SarraĒj adalah asas keimanan dan tunjang agama. Orang mukmin yang paling tinggi darjatnya adalah golongan yang yakin dan bersaksi dengan keesaan Allah (wahdaniyyah) berdasarkan firmanNya yang bermaksud:

“Allah Maha Berkuasa, Maha Pencipta dan Pengatur alam semesta. Dialah Tuhan Yang Maha Esa, tidak melahirkan dan dilahirkan dan Allah tidak sesekali menyamai dan menyerupai sesuatu pun”. (Surah Al-Ikhlās: ayat 1-6)

Al-SarrĒj juga mengemukakan pandangan beliau tentang ilmu fiqah dan ulama fiqah serta meletakkan mereka pada darjat yang mulia. Menurut beliau ulama fiqah adalah mereka yang memiliki kemahiran untuk mengeluarkan istinbat hukum daripada hadith. Memahami bagaimana menyusun hukum hakam, batas-batas ketentuan agama dan pokok-pokok ajaran syari’at. Mereka juga mampu membezakan antara hukum *nasakh* dan *mansukh* dan antara hukum yang umum dan yang khusus menggunakan al-Quran, sunnah, ijma’ dan qiyas. Melalui para ulama fiqah ini batas-batas dan hukum agama umat Islam terpelihara. Sehubungan dengan itu bagi al-SarrĒj seseorang yang berhasrat mendalami ilmu tasawuf hendaklah terlebih dahulu mempelajari dan memahami ilmu fiqah dan hadith. Kata al-SarrĒj:-

“Sesiapa dalam kalangan golongan sufi yang tahap pengetahuan ilmunya belum sampai kepada tahap ilmu golongan fiqah dan hadith, maka mereka wajib merujuk kepada golongan ahli fiqah dan hadith sekiranya terdapat permasalahan hukum syari’at.” (Abu Nasr al-SarraĒj, 2002)

Pandangan al-SarrĒj ini senada dan dipersetujui oleh ulama-ulama Islam antaranya Imam Malik yang menyatakan bahawa barang siapa bertasawuf tanpa memahami ilmu fiqah maka dia adalah zindik. Sesiapa memahami fiqah tanpa mempelajari tasawuf dia adalah fasik. Dan barang siapa mengumpulkan kedua-duanya maka dia akan sampai kepada hakikat (Sulaiman Sami Mahmud, 1990). Kenyataan Imam Malik ini menjelaskan bahawa yang pertama dikatakan zindiq sebab dia melihat kepada hakikat tanpa melaksanakan syariat. Dengan keadaan ini dia akan merosakkan hukum syariat dan pelaksanaannya malah menghancurkan hikmah syariat. Kedua dikatakan fasik kerana hatinya belum dimasuki cahaya takwa, rahsia keikhlasan, kesedaran akan adanya pengawasan Allah dan muhasabah sehingga dia belum terhindar daripada maksiat. Manakala yang ketiga adalah dikatakan telah mencapai hakikat kerana dia telah menggabungkan semua rukun agama iaitu iman, Islam dan ihsan (Sulaiman Sami Mahmud, 1990).

Meneliti pandangan AbĒ Qasim Junayd al-BaghdĒdi tentang perkara ini beliau sentiasa berpesan kepada para muridnya bahawa tasawuf yang sunni dan seimbang adalah menjaga syariat dan hakikat. Beliau berkata:

“Sesiapa yang tidak mendengar pengajian ilmu hadith dan tidak menuntut ilmu dengan para fuqaha’ dan hanya mengikuti ilmu adab kelak akan merosakkan para pengikutnya.”
(Ahmad bin Zaruq, 1989)

Pandangan al-SarrÉj juga dilihat seiring dengan pandangan Abu TÉlib al-Makki yang menyatakan bahawa seorang sufi yang ingin melangkah jauh dalam perjalanan menuju Allah SWT hendaklah dituntut menguasai ilmu fiqah dan hukum-hakamnya menurut kadar kemampuannya. Ini kerana tasawuf yang dilaksanakan tanpa ilmu kelak akan mengundang penyelewengan (As‘ad al-Samahrani, 1987). Hakikatnya seseorang tidak mungkin mampu mencapai maqam ihsan melainkan terlebih dahulu memahami dan menghayati maqam Islam dan maqam iman berasaskan pengamalan hukum-hukum syariat (Abdul Wahid Yahya, 2013).

Menurut Ahmad Zaruq bahawa tidak ada tasawuf kecuali dengan fiqah kerana hukum hakam Allah yang zahir tidak akan diketahui kecuali dengannya. Tidak ada fiqah kecuali dengan tasawuf kerana tidak ada amal melainkan harus disertai dengan keikhlasan dan kekhusyukan. Dan tidak ada keduanya (Tasawuf dan fiqah) kecuali dengan iman atau akidah kerana keduanya tidak akan sah tanpa iman. Semuanya saling berkaitan ibarat hubungan roh dengan jasad (Ahmad bin Zaruq, 1989).

Pandangan Mamduh Zubi yang menyokong pendapat al-SarrÉj menyatakan bahawa tasawuf merupakan aspek batin atau dalaman manusia sebagaimana ilmu fiqah menempati aspek zahir. Sebagaimana bagi ibadah solat dan puasa atau lain-lain ibadah ada gambaran zahir yang mempunyai hukum hakam tersendiri dalam ilmu fiqah maka begitulah persoalan khusyuk, takut, hadir hati atau zikrullah merupakan urusan hati atau dalaman manusia. Malah tasawuf dalam konteks ini boleh dinamakan fiqah batin (Mamduh al-Zubi, 2003).

Pandangan al-SarrÉj dalam membincangkan kaitan antara ilmu tasawuf dan ilmu Islam lainnya seperti fiqah membuktikan bahawa ilmu tasawuf merupakan salah satu daripada ilmu Islam dan saling berkaitan dengan ilmu-ilmu Islam lainnya. Pandangan al-Sarraji ini sekali gus menolak tuduhan yang mendakwa ilmu tasawuf jauh terpisah daripada ilmu fiqah dan tidak ada kaitan antara keduanya. Hakikatnya tasawuf dan fiqah adalah dua disiplin ilmu yang saling menyempurnakan. Kedua-duanya mempunyai kaitan yang rapat dalam rangka mencapai kesempurnaan roh ibadah yang tentunya meliputi aspek zahir dan aspek batin ibadah tersebut.

Pembelaan Al-SarrÉj Terhadap Keutamaan dan Kebenaran Ilmu Tasawuf

Al-SarrÉj menerangkan bahawa pada zamannya tasawuf dan sufi telah dilihat daripada pelbagai dimensi kefahaman. Terdapat pelbagai gelaran disandarkan kepada ilmu tasawuf dan golongan sufi. Seseengah mereka dianggap bersikap berlebihan dalam menghormati dan memuliakan golongan sufi, sebahagiannya menggambarkan golongan sufi sebagai golongan yang terkeluar daripada batas-batas rasional dan kemampuan manusia biasa. Ada juga yang beranggapan tasawuf adalah bentuk perilaku yang sia-sia dan penuh kebodohan. Ada yang beranggapan tasawuf adalah ketakwaan dan kezuhudan, mengenakan pakaian bulu, memaksa diri memilih dan menyusun kata-kata indah. Malah pada sisi yang lain ada golongan yang berlebihan dalam mencela golongan sufi malah menuduh mereka sebagai zindiq dan sesat (Abu Nasr al-Sarraji, 2002).

Sehubungan dengan itu pada bab awal penulisannya dalam *al-Luma'* al-SarrÉj dilihat menekankan kepentingan ilmu pengetahuan bagi membimbing manusia ke arah kebenaran. Menurut pandangan beliau, melalui ilmu pengetahuan seseorang dapat menilai dan membezakan di antara kebenaran dan kebatilan, antara kaca dengan permata dan antara ahli sufi sejati dan sufi palsu. Beliau juga menekankan soal kejujuran dan keikhlasan dalam menuntut ilmu. Beliau turut menyatakan kepentingan ilmu misalnya tatkala menghuraikan adab-adab sufi seperti adab bersuci, adab solat, adab zakat dan sedekah, adab puasa dan adab haji dan umrah dalam bab enam penulisan *al-Luma'* (Abu Nasr al-Sarraj, 2002).

Sejarah perjalanan dan perkembangan ilmu tasawuf membuktikan memang terdapat golongan sufi sesat yang menyimpang dan tersasar jauh daripada landasan al-Quran dan sunnah. Fenomena yang dirasai oleh al-SarrÉj berkaitan kewujudan ahli sufi palsu atau sesat turut sama dirasai dan dihadapi oleh al-Ghazali. Al-Ghazali dalam kitab *Minhaj al-Óbidin* telah menyenaraikan beberapa petanda sufi sesat dan palsu sebagai panduan generasi terkemudian iaitu:

- a) Mereka menggunakan istilah yang berlainan dengan ilmu tasawuf.
- b) Mereka menganggap diri mereka hampir dengan Allah padahal mereka hanya mengetahui namanya.
- c) Mereka memandang rendah golongan fuqaha, ahli tafsir, ahli hadith dan ulama selainnya.
- d) Mereka mendakwa pertuturan mereka sebagai wahyu daripada langit.
- e) Mereka menghina orang awam yang dipandang sebagai haiwan peliharaan sahaja.
- f) Mereka menyindir ahli ibadah dan ahli ilmu; ahli ibadah dikatakan mengerjakan ibadah yang hanya meletihkan badannya sahaja manakala ahli ilmu pula dikatakan hati mereka tertutup daripada Allah.
- g) Mereka benar-benar tidak pernah memiliki didikan mujahadah dan mereka tidak beramal untuk mendapat kerelaan Allah (al-Ghazali, 2001).

Penjelasan yang dikemukakan al-Ghazali di atas membuktikan bahawa ilmu tasawuf telah berdepan dengan tuduhan liar yang tidak berasas semenjak dahulu lagi. Usaha dan perjuangan al-Sarraj bagi membela ilmu tasawuf ini hakikatnya adalah usaha sebahagian besar ulama tasawuf terkemuka bagi memastikan ilmu tasawuf sejati terus hidup di muka bumi dan tidak tenggelam oleh tuduhan-tuduhan yang tidak benar. Kemunculan sufi palsu hakikatnya tidak mampu memadamkan kilauan permata tasawuf sejati yang bersinar menerangi hati dan jiwa umat Islam sepanjang zaman.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa al-SarrÉj telah memberikan sumbangan yang besar dalam memartabatkan ilmu tasawuf melalui penulisan karya beliau *al-luma'*. Peranan dan kesarjanaan beliau telah diakui oleh para ulama dan sarjana misalnya oleh al-Qushayri, al-Hujwiri, Al-Sulami dan ramai lagi. Kitab *al-Luma'* yang dikarang oleh beliau dilihat telah mengupas dan membincangkan pelbagai tema penting misalnya mengupas persoalan hati dan jalan untuk membangunkan jiwa manusia, adab-adab sufi serta kedudukan tasawuf dalam neraca al-Quran dan Sunnah. Konsep tasawuf al-SarrÉj pula didapati adalah berasaskan tasawuf sunni yang bertunjangan al-Quran dan sunnah. Pemikiran beliau tentang

tasawuf, golongan sufi dan ajarannya adalah seiring dan sejajar dengan pandangan al-Quran, sunnah dan pandangan ulama-ulama tasawuf muktabar. Beliau bukan sahaja telah berjasa meletakkan kaedah-kaedah tasawuf untuk menjadi panduan masyarakat Islam dahulu hingga sekarang malahan beliau telah bangun mempertahankan ilmu tasawuf daripada pendustaan oleh golongan yang jahil dan musuh-musuh Islam.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Jabatan Penerbitan, KUIPSAS atas penerbitan artikel ini. Semoga artikel ini dapat memberikan manfaat kepada pembaca dalam meningkatkan ilmu dan pengetahuan tentang ajaran dan amalan ilmu tasawuf yang sebenar. Penulis merupakan pensyarah kanan di Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS boleh dihubungi melalui safiah@kuipsas.edu.my.

RUJUKAN

Abū Naṣr ‘Abd Allāh ‘Alī al-Sarrāj al-Ṭūsī,(t.t). *al-Luma’ fī Tarīkh al-Taṣawwūf al-Islāmī*. taḥqīq ‘Imād Zakī al-Barūdī Qāhirah: Maktabah al-Tawfīqiyyah

Abū Naṣr ‘Abd Allāh ‘Alī al-Sarrāj al-Ṭūsī,(t.t) *al-Luma’ fī Tarīkh al-Taṣawwūf al-Islāmī*, taḥqīq Kamāl Muṣṭafā al-Hindawī Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

AbĒ Naṣr bin ‘Abdullah bin Ali Al SarrĒj al-TĒsi.(2016). *Al-Luma’*, Tahqiq Mohd Adib al-Jadir .al-Luma’(Kaherah : DĒr al-Fatah.)

Abū Naṣr ‘Abd Allāh ‘Alī al-Sarrāj al-Ṭūsī,(1960). *al-Luma’ fī Tarīkh al-Taṣawwūf al-Islāmī*, taḥqīq ‘Abd al-Ḥalim Maḥmūd dan Ṭāhā ‘Abd al-Baqī . Qāhirah: Dār al-Maktab al-Ḥadīth.

Abu Nasr al-Sarraj (2002). *Al-Luma’ & Rujukan Lengkap Ilmu Tasawuf*. Ed. Abdul Halim Mahmud dan Taha ‘Abdul Baqi Surar. Jakarta: Risalah Gusti.

Abī al-Qāsim ‘Abd al-Karīm Ibn Hawāzin al-Qushayrī al-Nisaburī,(t.t) *al-Risālah al-Qushayriyyah fī ‘Ilm al-Taṣawwūf*, taḥqīq Ma‘rūf Zariq & ‘Alī ‘Abd al-Hamīd Baltajī .Bayrūt: Dār al-Jīl.

Abū Bakr Muhammad bin Ishaq al-Bukhāri Al Kalābazi,(t.t) *al-Ta‘āruf li Mazhab Ahl al-Tasawwuf* . Bayrūt : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

AbĒ ‘Abbas Ahmad bin Muhammad Zaruq (1989). *QawĒ‘id al-Tasawwuf*. TahqĒq . Muhd Zahri al-Najjar. KĒherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.

Ahmad bin ‘Abdul Rahman Ibn QudĒmah al-MaqdasĒ.(1987) *Mukhtasar MinhĒj al-QĒsidĒn*. Beirut: DĒr al-Fikr

Abd al-Qadir ‘IsĒ(2013). *HaqĒ‘iq ‘An al-Tasawwuf*. Kaherah : DĒr al-Maqtam.

Al-Ghazali (2001). *Minhaj al-‘Abidin ila Jannah Rabiil ‘alamin*. ed: Mahmud Mustafa Halawi, cet. 3. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

As‘ad al-Samahrani (1987). *Al-Tasawwuf Mansya’uhu wa mustalahuhu*. Cet. 1. Beirut: DĒr al-Nafais.

- ‘Ala’ Bakar (2012). *Mukhtasar TĒrikh al-Tasawwuf*. Kaherah: DĒr Ibn Jawzi.
- Azyumardi Azra. (2008.). *Ensiklopaedia Tasawuf*. Jilid 3, cet.1 .Jakarta: Penerbit Angkasa.
- Basyir JalaĒĒ (2012). *Haqiqah al-Tasawwuf Baina al-Ta’hil wa al-Ta’thir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Captain Wahid Bakhs Rabbani (1998). *Islamic Sufism*.(Kuala Lumpur: A.S Noordeen..
- Ḥassan al-Shāfi’ī & Abū Yazīd al-‘Ajāmī (2007) *Fī al-Taṣawwuf al-Islāmī* . Qāhirah: Dār al-Salām.
- Ibn Malqān, Sirāj al-Dīn, Abū Ḥafs ‘Umar Ibn ‘Alī Ibn Aḥmad Ibn Aḥmad al-Miṣrī Ibn Malqān(1973), *Ṭabaqāt al-Awliyā’*, taḥqīq Nūr al-Dīn Sharībah .Qāhirah: Maktabah Khanjī
- Khayr al-Dīn al-Zirkilī,(1995). *al-A’lām Qāmus Tarājum li Ashhār al-Rijāl wa al-Nisā’ min al-‘Arab wa al-Musta’ribīn*, vol. 3 Bayrūt: Dār al-‘Ilm li al-Malayīn.
- Muhammad bin Hussain bin Muhammad bin Musa bin Khalid bin Salim Abdul Rahman al-SulamĒ. (2014) *ṬabaqĒt al-SĒfiyyah*. Cet. 4. (Kaherah: Maktabah al-Khanji)
- Muhammad Abu al-Hassan `AlĒ bin `Uthman al-Hujwiri (1980). *Kashf al-MahjĒb*. taḥqīq As’ad `Abd al-Hadi Qindil (taḥqīq). Beirut: DĒr al-NahĒah.
- Michael A.Sell. *Early Islamic Mysticism* (2003). Terj. D. Slamet Riyadi. Bandung: Mimbar Pustaka.
- Mamdūh al-Zarūbī(2003), *al-Ṭurūq al-Ṣūfiyyah: Zūrūf al-Nash’ah wa Tabiah al-Durr* .Dimasyq : Maktabah al-Ahali.
- Muhammad Zainy Uthman (2004). *Pengajian Dan Kesarjanaan Tasawuf Sepanjang Zaman*. Dalam Tasawuf dan Ummah. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya (UM).
- Muhammad Fethullah Gellan (1999). *Key Concepts In The Practice of Sufism*. USA: The Fountain.
- Nordi Achie (2012). *Fitnah Sufi Fatarmogana Tasawuf Fenomena Tarekat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM).
- Reynold Alleyne Nicholson (1998). *Studies In Islamic Mysticism*. India: Adam Publishers & Distributor.
- Shihāb al-Dīn Abī al-Falāḥ ‘Abd al-Ḥayyī Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad al-Ḥanbalī al-Dimashqī, (1986) *Shazarāt al-Dhahab fī Akhbār man Dhahab*, taḥqīq Maḥmūd al-Arnau, vol. 2. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.
- Sulaiman Sami MahmĒd (1990). *Al-Tarbiyyah al-SĒfiyyah*. Cet. 1. Kaherah: Maktabah NahĒah.
- Syihabuddin bin Fadlillah al-‘Umari (2009). *MasĒlik al-Absar FĒ MamĒlik al- AmsĒr*. taḥqĒq Amir al-Najjar. Kaherah: Maktabah al-ThaqĒfah al-Diniyyah.